



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERaan PERDAGANGAN  
BIL. 3 TAHUN 2009**

---

**GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN TEKSI EKSEKUTIF**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 20 APRIL 2009**

Semua Persatuan Teksi Semenanjung Malaysia.  
Semua Pengusaha Teksi Semenanjung Malaysia.

## **GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN TEKSI EKSEKUTIF**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perkhidmatan teksi eksekutif.

### **LATAR BELAKANG**

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah meluluskan kategori perkhidmatan teksi eksekutif dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 20/2006 pada 25 Ogos 2006. Walau bagaimanapun terdapat beberapa jenis kenderaan seperti van dan jip telah diluluskan bagi dijadikan teksi eksekutif dan ianya dilihat tidak menepati kriteria dan hasrat Kerajaan mewujudkan kelas lesen ini.
3. Sehubungan itu beberapa pindaan dibuat pada peraturan sedia ada bagi memberi lebih pengkhususan kepada spesifikasi dan jenis kenderaan yang bersesuaian untuk dijadikan teksi eksekutif.

### **GARIS PANDUAN KENDERAAN UNTUK DIJADIKAN TEKSI EKSEKUTIF**

4. LPKP telah menetapkan spesifikasi kenderaan untuk dijadikan teksi eksekutif adalah seperti berikut:-

#### **4.1 Spesifikasi kenderaan**

- 4.1.1 Kenderaan yang dilesenkan adalah dalam kategori *saloon* dan *multi-utility vehicle* (MUV) di mana istilah *multi-purpose vehicle* (MPV) (seperti yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 20/2006 pada 25 Ogos 2006) digantikan kepada MUV;
- 4.1.2 Kenderaan jenis MUV yang dijadikan teksi eksekutif perlulah memiliki ciri-ciri berikut :

pintu jenis berkepak di kiri dan kanan di sebelah hadapan dan di tepi sebelah belakang; atau


pintu jenis berkepak di kiri dan kanan di sebelah hadapan dan jenis gelongsor di tepi sebelah belakang (tertakluk kepada kelulusan Lembaga);
- 4.1.3 Mempunyai tiga barisan tempat duduk (maksimum) bagi kenderaan yang memuatkan 7 penumpang (termasuk pemandu);
- 4.1.4 Mempunyai kapasiti enjin tidak kurang 1,950 c.c;
- 4.1.5 Mempunyai lebar dalaman tidak kurang 1,400 milimeter;

- 4.1.6 Mempunyai ruang meletak barang yang tidak kurang daripada 0.50 meter persegi di sebelah belakang kenderaan. Sekiranya menggunakan Gas Asli Mampat, mencukupi sekiranya ruang barang kenderaan tidak kurang daripada 0.40 meter persegi;
- 4.1.7 Model kenderaan berikut dipersetujui untuk dilesenkan sebagai teksi eksekutif :

<i>Saloon</i>	<i>MUV</i>
Nissan Cefiro	Toyota Alphard TA-MNH10W
Mercedes Benz E200 Kompressor	Mazda 5LC DOHC
Hyundai Sonata 2.4L	Naza Ria
Proton Perdana	Nissan Serena 2.0 L
Nissan Sylphy 2.0 CVTC	Toyota Innova
	Mercedes Vito 119
	Hyundai Grand Starex

- 4.1.8 Senarai model kenderaan berikut tidak dipersetujui untuk dilesenkan sebagai teksi eksekutif:
- i) Naza Citra;
  - ii) Kia Pregio;
  - iii) Mahindra Scorpio;
  - iv) Toyota Hiace 2.7;
  - v) Toyota Hiace 2.5

- 4.1.9 Kenderaan *saloon* dan MUV yang memiliki spesifikasi berlainan daripada yang diluluskan perlulah mendapatkan kelulusan Lembaga terlebih dahulu sebelum didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- 4.1.10 Warna teksi eksekutif ialah biru muda (*Candy Blue CT005-Special Colour; Mercury Paints*). Sekiranya terdapat permohonan pengusaha untuk menggunakan jenama pengeluar cat yang berlainan, pengesahan JPJ perlu diperolehi terlebih dahulu yang mengesahkan kod warna yang digunakan adalah sama dengan warna yang sedia ada;
- 4.1.11 Warna tanda nama di kedua-dua pintu hadapan di badan teksi eksekutif diseragamkan dengan menggunakan warna putih;



- 4.1.12 Setiap teksi eksekutif perlu dipasang penanda berwarna PUTIH di atasnya dengan tulisan “TEKSI EKSEKUTIF” yang ditulis menggunakan warna hitam;
- 4.1.13 Usia kenderaan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh pendaftaran kenderaan iaitu di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan penggunaannya sebagai teksi eksekutif tidak boleh melebihi sepuluh tahun dari tarikh pendaftaran kenderaan (Pekeliling LPKP Bil. 7/2008-Tempoh Kuatkuasa Lesen dan Had Usia Kenderaan Perdagangan Bagi Kelas Lesen Teksi);
- 4.1.14 Huruf dan nombor pada plet pendaftaran kenderaan perlulah berwarna hitam dan dipaparkan di atas permukaan putih (Jadual Ketiga, Kaedah 6, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959).

## **4.2 Kadar tambang teksi eksekutif**

- 4.2.1 Mengikut jarak:

Tidak melebihi RM6.00 bagi 1 km pertama atau sebahagian daripadanya; dan tidak melebihi 20 sen bagi setiap 100 meter berikutnya atau sebahagian daripadanya.

**4.2.2 Mengikut masa (bagi tahanan):**

Tidak melebihi RM6.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagian daripadanya; dan tidak melebihi 20 sen bagi 21 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya;

**4.3 Meter Teksi**

**4.3.1** Meter perlu mempunyai spesifikasi untuk mencetak resit secara automatik sebaik sahaja butang berhenti ditekan (i.e. tiada pilihan untuk mencetak atau tidak mencetak).

**4.3.2** Spesifikasi meter boleh dikalibrasikan (calibrate) secara digital (tidak secara manual).

**4.4 Pakaian seragam pemandu teksi eksekutif**

**4.4.1** Pemandu teksi eksekutif diwajibkan berpakaian seragam seperti berikut:

- (i) menggunakan pakaian kemeja berwarna putih atau batik buatan tempatan;
- (ii) menggunakan seluar panjang (slacks) berwarna gelap;
- (iii) memakai kasut bertutup warna hitam.

**4.4.2** Pemandu diwajibkan menggunakan pakaian seragam yang ditetapkan semasa beroperasi.

## **PEMAKAIAN**


5. Penguatkuasaan pengecualian kenderaan van dan model-model lain seperti Naza Citra dan Mahindra Scorpio tidak melibatkan kenderaan-kenderaan yang telah dilesenkan sebelum tarikh pekeliling ini dikuatkuasakan.
4. Pekeliling ini dibaca bersama Pekeliling LPKP Bil. 7/2008 (Tempoh Kuatkuasa Lesen dan Had Usia Kenderaan Perdagangan Bagi Kelas Lesen Teksi) dan Pekeliling LPKP Bil. 2/2009 (para 2.7 Garis Panduan Penggunaan Lesen Baru Teksi (Individu)).

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEUSAHAWAN KERJAYA PILIHAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia

**20 APRIL 2009**

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Operasi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Y.Bhg Dato Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPP (LPKP) 1

KPP (LPKP) 2

KPP (LPKP) 3



**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**